

20 MAR 1996

PERDANA MENTERI POLAND AKAN LAWAT MALAYSIA PADA JUMAAT

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz akan melawat Malaysia selama tiga hari mulai Jumaat ini dalam usaha mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Cimoszewicz akan diiringi oleh isterinya, beberapa timbalan menteri, naib menteri, para pegawai kanan kerajaan dan wakil dari sektor swasta.

Beliau dijadual menyertai mesyuarat rombongan dua hala, menghadiri jamuan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, katanya.

Malaysia dan Poland dijangka menandatangani antara lain perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal.

Sempena dengan lawatan itu, satu seminar mengenai peluang perdagangan di kedua-dua negara juga akan diadakan.

Rombongan Poland itu akan melawat Langkawi sebelum berlepas pulang ke tanah air.

Ini ialah lawatan pertama Cimoszewicz ke Asia Tenggara selepas dilantik sebagai Perdana Menteri Poland akhir bulan lepas. -- BERNAMA

MAM CR